

JOHOR BAHRU, 20 MEI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU RAKYAT MALAYSIA SUPAYA MENGAMBIL SATU SIKAP BARU YANG MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENEKANKAN TENTANG PENTINGNYA MEREKA MENANAM SEMANGAT INGIN MELIHAT NEGARA INI MAJU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN MALAYSIA BOLEH MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DALAM MASA YANG SINGKAT JIKA RAKYATNYA YANG BERBILANG KAUM MELUPAKAN RASA KURANG PUAS HATI SESAMA SENDIRI.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR DI BILIK GERAKAN TUN RAZAK DI SINI.

KATANYA, RAKYAT SEHARUSNYA JANGAN MENJADIKAN RASA TIDAK PUAS HATI DI KALANGAN MEREKA ITU SEBAGAI TAJUK PERBAHASAN UTAMA DEMI MENJAMIN KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA. — BERSAMBUNG 1917/A1

CE

B584:

MAHATHIR-TAKLIMAT 2 JOHOR BAHRU

BELIAU MENJELASKAN RAMAI ORANG-ORANG ASING TELAH MEMBUAT BERBAGAI RAMALAN KONONNYA HUBUNGAN DI ANTARA RAKYAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI ADALAH TEGANG DAN DOLEH MENIMBULKAN PERBALAHAN.

+GOLONGAN INI TELAH MEMBUAT RAMALAN-RAMALAN ITU SEJAK NEGARA KITA BELUM MENCAPAI KEMERDEKAAN LAGI DAN MALAHAN MEREKA MASIH TERUS MEMBUAT DEMIKIAN SEHINGGA SEKARANG, + KATANYA.

+MEREKA HANYA SUKA MEMBUAT RAMALAN TETAPI TIDAK PERNAH MEMIKIRKAN TENTANG KEUPAYAAN KITA DI DALAM MEMBANGUNKAN NEGARA INI, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH KERAJAAN MENYEDARI WUJUDNYA PERASAAN KURANG PUAS HATI DI KALANGAN RAKYAT BERBILANG KAUM TETAPI KERAJAAN TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMUASKAN HATI SEMUA GOLONGAN RAKYAT.

BELIAU MENYERU PARA PEMIMPIN KAUM DI SELURUH NEGARA SUPAYA MEMAHAMI SEPENUHNYA HAKIKAT ITU DAN MENYAMPAIKANNYA KEPADA SETIAP RAKYAT DARI SEMUA KETURUNAN. — BERSAMBUNG 1937/A1

CE

B585:

MAHATHIR-TAKLIMAT 3 JOHOR BAHRU

DALAM HUBUNGAN INI, ADALAH PENTING BAGI RAKYAT MEMPUYAI PERASAAN CINTAKAN NEGARA DAN INDIR MELIHATNYA MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MAJU, KATANYA.

SEBAGAI CONTOH, SESEORANG PEGAWAI KERAJAAN PERLU MENUMPUKAN SEPENUH KINATNYA TERHADAP SEGALA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG DISERAHKAN KEPADANYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BANGGA DENGAN KEJAYAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR SETAKAT INI DAN MENSIFATKANNYA SEBAGAI SALAH SEBUAH NEGERI TERMAJU DI NEGARA INI.

TERDAHULU DARI ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MELAWAT BANGUNAN BARU WISMA PERSEKUTUAN DI JALAN AYER MOLEK DI SINI DENGAN DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR TAN SRI HAJI OTHMAN SAAT.

TENGAHARI TADI, BELIAU DAN DATUK SERI DR. SITI HASMAH DIPERKENANKAN MENGADAP SULTAN DAN SULTANAH JOHOR DI ISTANA BUKIT SERENE. — BERSAMBUNG 2002/A1

MAHATHIR-TAKLIMAT 4 JOHOR BAHARU

SEMENTARA ITU DALAM ACARA BERASINGAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH PETANG INI MELAWAT KE SEKOLAH KANAK-KANAK CACAT DAN TAMAN SINAR HARAPAN DI TAMPOI DEKAT SINI.

PENGERUSI JAWATANKUASA PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT NEGERI JOHOR, DATUK ABDULLAH MOHAMED DALAM TAKLIMATNYA KEPADA BELIAU MEMBERI-TAHU BAHAWA SEBUAH BANGUNAN BARU BERHARGA HAMPIR \$500,000 AKAN DIBINA DI SITU MENGGANTIKAN BANGUNAN LAMA SEKOLAH TERSEBUT TIDAK LAMA LAGI.

KETIKA BERUCAP DI TAMAN SINAR HARAPAN DI TAMPOI PULA DATIN SERI DR. HASMAH MENYERU PIHAK-PIHAK BERKENAAN AGAR MEMBERIKAN PENERANGAN KEPADA MASYARAKAT MENGENAI PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH TAMAN TERSEBUT.

DATIN SERI DR. SITI HASMAH, TELAH MENYUMBANGKAN \$500 KEPADA TAMAN TERSEBUT. — BERHAMA 2010/AI